



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.MBKM.700-2/1/1 Jld.27 (47)

Tarikh: 31 Mac 2026

**Pengarah Kampus/ Kolej**  
**Institut Pendidikan Guru/ Kolej Matrikulasi/ Kolej Vokasional**  
**(Seperti Senarai Edaran)**

Tuan/Puan,

#### **PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama agensi perbukuan dan persatuan-persatuan industri buku negara, akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2026 (PBAKL 2026) kali ke-43 bermula pada **29 Mei hingga 7 Jun 2026** bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur. Waktu lawatan ke PBAKL 2026 bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari. Masuk adalah **percuma**.

3. Untuk makluman, PBAKL 2026 merupakan pesta buku yang terbesar dan terunggul di negara ini. PBAKL 2026 akan disertai penerbit buku tempatan dan penerbit daripada luar negara.

4. Sehubungan itu, kerjasama adalah dimohon untuk memaklumkan kepada pensyarah dan pelajar-pelajar di institusi Tuan/Puan bagi menggalakkan mereka mengunjungi PBAKL 2026. Untuk makluman, jadual aktiviti dan program sepanjang penganjuran PBAKL 2026 boleh dilayari melalui portal rasmi di [www.klibf.my](http://www.klibf.my) dan [www.mbkm.my](http://www.mbkm.my) bermula 6 April 2026. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Urus Setia PBAKL 2026 (MBKM) di talian 03-8321 7011 atau melalui emel [mbkm@moe.gov.my](mailto:mbkm@moe.gov.my).

Jalinan kerjasama dan sokongan semua pihak amat diperlukan dalam memastikan budaya membaca diperkasakan dan dapat memeriahkan lagi penganjuran PBAKL tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)**

s.k.:

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
(Sektor Dasar dan Kurikulum)
2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
(Sektor Pembangunan Profesionalisme)
4. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
5. Pengarah  
Bahagian Matrikulasi
6. Pengarah  
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional